

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tambah baik dasar pengajian tinggi

Kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020 yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan adalah satu usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti pendidikan secara berterusan agar rakyat mampu menikmati pendidikan sempurna selari dengan kehendak masyarakat, industri dan global.

Rasional kajian semula yang dijalankan bermula Mac 2013 dan dijangka selesai pada Jun 2014 ini dilaksanakan selaras dengan perkembangan semasa pengajian tinggi yang dinamik selain perubahan berdasarkan faktor ekonomi, sosial, teknologi, politik dan polisi.

Pelaksanaan kajian semula PSPTN juga menyokong dasar transformasi semasa negara yang diharapkan dapat menjelmakan perkara baharu bagi melonjakkan bidang pengajian tinggi negara.

Kesinambungan pendidikan

Selain itu, transformasi struktural yang berlaku iaitu penggabungan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran pasca Pilihan Raya Umum ke-13 yang menekankan aspirasi mewujudkan kesinambungan pendidikan prasekolah, rendah, menengah sehingga pengajian tinggi turut menjadi rasional pelaksanaan kajian ini.

Keperluan kajian semula ini bertujuan melihat keberkesanan pelaksanaan PSPTN yang bermula sejak 2007 bagi menambah baik dan menyusun inisiatif baharu yang diperlukan mengikut keperluan semasa.

Hasil kajian juga diharap mampu membawa kepada keberhasilan yang lebih jelas dan berpaya dilaksanakan secara berkeson bagi melonjak tahap pengajian tinggi negara.

Sumbang saran

Antara kaedah penyemakan semula PSPTN yang dilaksanakan adalah Program Tinjauan Aspirasi Masyarakat menerusi sesi ala 'town hall' bagi mendapatkan sumbangan buah fikiran dan pernyataan masyarakat terhadap PSPTN.

Menerusi Program Tinjauan Aspirasi Masyarakat yang dilaksanakan di seluruh negara, masyarakat dipelawa menghadiri sesi berkenaan yang diadakan mengikut enam zon berbeza iaitu utara, tengah, timur, selatan, Sarawak dan Sabah.

Program bermula 20 Oktober lalu dan berakhir 29 Oktober ini membolehkan masyarakat berkongsi serta mengemukakan pendapat dan maklum balas terhadap

sistem pengajian tinggi negara.

Pemegang taruh


Kaedah lain yang turut dilaksanakan ialah kajian

kumpulan penyelidik institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan terhadap pencapaian inisiatif PSPTN, landskap tempatan dan global, sumbangan fikiran panel penasihat tempatan dan antara-bangsa.

Seterusnya sidang meja bulat dan sesi temu bual bersama dengan pemegang taruh, kumpulan bermaklumat dan prihatin selain kajian kuantitatif dan kualitatif yang mengumpul pandangan masyarakat secara sistematik dan teratur.

Kajian semula PSPTN ini diharap dapat menghasilkan pelan strategik yang mampu menjana arus transformasi yang lebih besar buat negara bagi melonjakkan kualiti modal insan dan meletakkan negara sebagai hab kecemerlangan pendidikan dengan jenama tersendiri.

PELAKSANAAN KAJIAN SEMULA PSPTN JUGA MENYOKONG DASAR TRANSFORMASI SEMASA NEGARA YANG DIHARAP DAPAT MENJELMAKAN PERKARA BAHARU BAGI MELONJAKKAN BIDANG PENGAJIAN TINGGI NEGARA."



Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh (dua dari kiri) meninjau pameran dalam Seminar Amalan Baik Pelaksanaan PSPTN di Sepang, baru-baru ini.



Sebahagian daripada pelajar dan masyarakat yang menyertai Program MY3L Kementerian Pendidikan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

INFO

KAJIAN SEMULA PSPTN 2007-2020

Jadual Program Tinjauan Aspirasi Masyarakat: Town Hall

Zon	Tempat	Tarikh
Zon Utara	Bilik Santapan Dewan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Kolej Universiti Insaniah (KUIIN) Lebuhraya Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah	20 Oktober 2013 (Ahad)
	Dewan Kapitol, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) Kangar, Perlis	21 Oktober 2013 (Isnin)
	Dewan Auditorium Utama Kampus Sultan Jalil Shah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSJ)-Tanjung Malim, Perak	22 Oktober 2013 (Selasa)
Zon Tengah	Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang	23 Oktober 2013 (Rabu)
	Dewan Auditorium Canseleri, Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Melaka	22 Oktober 2013 (Selasa)
	Dewan Kuliah Utama Bangunan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Negeri Sembilan	23 Oktober 2013 (Rabu)
Zon Timur	Bilik Seminar 1, Tingkat Bawah, Menara Razak Universiti Teknologi Malaysia Kampus Kuala Lumpur, Jalan Semarak, Kuala Lumpur	29 Oktober 2013 (Selasa)
	Dataran Monsun Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok Kelantan	21 Oktober 2013 (Isnin)
	Auditorium Mahyuddin Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Terengganu	22 Oktober 2013 (Selasa)
Zon Selatan	Dewan Tun Fatimah Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang Pahang	21 Oktober 2013 (Isnin)
	Dewan Al Biruni 1, Universiti Teknologi MARA UiTM Pahang Jengka Pahang	21 Oktober 2013 (Isnin)
	Dewan Senat, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor Johor Bharu	23 Oktober 2013 (Rabu)
Zon Sarawak	The Auditorium Chancellery Building CURTIN University Sarawak Campus Miri	21 Oktober 2013 (Isnin)
	Dewan Sri Kenyalang Universiti Putra Malaysia (Cawangan Bintulu) Bintulu	22 Oktober 2013 (Selasa)
Zon Sabah	Dewan Banquet Zamrud Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kuching	23 Oktober 2013 (Rabu)
	Dewan Auditorium Perpustakaan Wilayah Tawau	23 Oktober 2013 (Rabu)
	Dewan Serbaguna Sekolah Pertanian Lestari Universiti Malaysia Sabah (UMS) (Fakulti Pertanian) Sandakan	24 Oktober 2013 (Khamis)
	Auditorium Pusat Pengajian Pasca Siswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu	25 Oktober 2013 (Jumaat)